

SOALAN

JAWAPAN

BAPA PELAKU TERTINGGI SUMBANG MAHRAM
 Kuala Lumpur, 16 Januari 2021 - Bapa kandung adalah pelaku tertinggi kejadian sumbang mahram yang direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam tempoh tiga tahun lalu sejak 2018 dengan 225 kes.
 Dalam tempoh sama, bapa tiri mencatatkan sebanyak 188 kes, diikuti bapa saudara 159 kes dan abang kandung, 90 kes.
 Memberitahu Utusan Malaysia, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman, ACP Puan Siti Kamariah Hassan, ekonomi keluarga tidak stabil, ditambah dengan keadaan rumah sempit menjadi antara punca utama berlaku kejadian jelik tersebut.
 "Rumah kumpulan sederhana terutama tidak ada bilik mencukupi tetapi ahli keluarga ramai biasanya akan berlaku percampuran lelaki dan perempuan yang akhirnya menyumbang ke arah berlaku sumbang mahram," kata beliau ketika diwawancara secara dalam talian.
 Sumber ubahsuai: <https://www.facebook.com/pdrmsiaofficial>

(d) Bradasrkn سومر دأتس، ترغكن تىگ فونچا برلاكوں سومبغ محرم. [6 مرکه]

تىگ فونچا برلاكوں سومبغ محرم :

- كلمهن ايمان يغ برفونچا درفد كچيتيقن علمو اكام سهيگك
- سغكوڤ منجاديكن اهلي كلوارك تراوتام كانق-كانق سباگاي
- فمواس هاوا نفسو
- ايكونومي كتوا كلوارك يغ تيدق ستابيل سهيگك تيدق ممقو
- مپدياكن رومه يغ ممقوباي ييليق يغ براسيغن اونتوق انق
- رومه يغ دديامي اداله سمقيت دان ترقفسا بركوغسي انتارا انق
- لللكي دان فرمقوان سهيگك مموغكينكن كجادين سومبغ محرم
- موده برلاكو

HUKUMAN LEBIH BERAT TERHADAP PEMANDU MABUK
 "Pindaan ke atas Akta 333 diharap dapat menetapkan hukuman mandatori lebih berat dan setimpal terhadap pemandu mabuk yang menyebabkan kecederaan apatah lagi kematian kepada pengguna jalan raya yang lain"
 YAB Tan Sri Muhyidin Yassin
 Perdana Menteri
 Sumber ubah suai: Bernama

PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333) DI PARLIMEN BERTARIKH 26 OGOS 2020
 Antara hukuman RUU yang diluluskan bagi pindaan:
 Seksyen 45G (1) APJ 1987

Tempoh Penjara	Minimum 2 tahun dan maksimum 10 tahun	Minimum 5 tahun dan maksimum 10 tahun
Kadar Denda	Minimum RM5000 dan maksimum RM20,000	Minimum RM20,000 dan maksimum RM50,000
Tempoh Penggantungan Lesen Memandu	3 tahun	5 tahun

(d) Bradasrkn سومر دأتس، هورايكن كواجرن راغ اوندغ ۲ فرلو دفيندا باكي فمندو مابوق. [6 مرکه]

هورايكن كواجرن راغ اوندغ ۲ فرلو دفيندا باكي فمندو مابوق.

سكور	كريتريا
1m	راغ اوندغ ۲ باكي فمندو مابوق فرلو دفيندا
1m	اونتوق مغيلقن درفد برلاكوں كيس فنيغكنن كمتين يغ دسببكن اوليه فمندو مابوق
1m	حال يغ دمكين اكن منجاديكن نكارا كيت امان دان دثندغ موليا اوليه نكارا لايين
1m	اين برسسواين دغن فرمان الله "انما الخمر والميسر رجس من عمل الشيطان"
1m	اوليه ايت ستياف اومت اسلام واجر منطاعتي دان مغممكنن سكاللا فرينته الله دالم كهيدوفن
1m	اگر هيدوف كيت سنتياس دالم رحمت دان رضا الهي


GADUH, ANTARA PUNCA RAMAI KENA BUNUH

Kuala Lumpur, 1 Oktober 2020 - Pertengkar dan selisih faham di tempat kerja punca kejadian bunuh banyak dilaporkan di negara ini. Bagaimanapun, lebih 50 peratus lagi kejadian bunuh tidak dapat dikenal pasti motifnya.
 Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, CP Dato' Huzir Mohamed berkata, sebanyak 5,608 kes pembunuhan direkodkan dengan membabitkan 5,542 individu menjadi mangsa bunuh dalam tempoh 11 tahun, sejak 2009 hingga tahun lalu.
 Menurut beliau, daripada jumlah itu, 3,453 adalah mangsa bunuh warga tempatan dan 2,089 bukan warganegara.
 "Polis turut berjaya menahan 9,398 individu terbabit kes bunuh membabitkan warga tempatan dan warga asing.
 Sumber ubah suai : <https://www.sinarharian.com.my>

(d) Bradasrkn ارتيكل دأتس، هورايكن فكتور فنيغكنن كجادين بونوه دمليسيا. [6 مرکه]

هورايكن فكتور فنيغكنن كجادين بونوه دمليسيا

سكور	كريتريا
1m	فرتغكرن دان سلسيه فهم دتمثت كرج
1m	يغ دسببكن اوليه راس تيدق فواس هاتي انتارا كدوا فكرج ترباييت
1m	هوراين لغكف حال يغ دمكين منمبولكن فراساءن اماره يغ تيغكي سهيگك سغكوڤ ملاكوكن فريوانن يغ ملامشاو باتسن
1m	اين برسسواين دغن فرمان الله "ولا تلھوكوا بايديكم الى التهلكة"
1m	اوليه يغ دمكين اومت اسلام هندقله سنتياس ساليغ حرمت مغمورماتي انتارا ساتو سام لايين والاو ديما مريك براد
1m	سوفاي ملقساناكن توگس دغن فراساءن تنغ دان هرموني.

<p>MEDIA berperanan penting dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Kini melalui internet, peranan media semakin mudah, namun semakin mencabar. Kewujudan internet membantu mempercepatkan proses penyampaian berita dan segala maklumat lama serta baharu.</p> <p>Media sosial juga berperanan menjadikan masyarakat Malaysia lebih peka kepada keadaan sekeliling dan mengeratkan hubungan sesama individu, namun masyarakat harus lebih berhati-hati kerana ada berita palsu direka semata-mata untuk menarik perhatian netizen dan menjadi isu hangat atau trending. Situasi ini sangat membimbangkan kerana ada berita yang bertujuan mewujudkan kebencian dan provokasi dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa. Keadaan ini sangat berbahaya kerana Malaysia mungkin hancur dan tidak lagi dihormati di mata dunia dan akibatnya, rakyat akan menanggung rugi.</p> <p>Sumber dan ubahsuai https://www.bharian.com.my/</p> <p>[6 مرکه] برداسرکن کرتن اخبار داتس، هورايکن تيگ اوسها كراجادن [6 مرکه] اونتوق مغيقلکن درقد ترسيبرن برينا فئسو ملالوئي لامن سوسيبال.</p>	<p>(c) Tiga usaha kerajaan untuk mengelakkan daripada tersebarnya berita palsu melalui laman sosial :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak kerajaan hendaklah mewujudkan sebuah badan khas (1M) yang akan menyelenggara atau menapis segala paparan di media sosial.(1M) • Wajib menguatkuasakan undang-undang dengan mengenakan hukuman berat kepada penyebar berita palsu (1M) agar orang lain tidak sewenang-wenangnya menulis atau menyiarkan sesuatu yang tidak sah. (1M) • Pihak kerajaan perlulah memberikan pendedahan yang meluas dan berkesan kepada masyarakat tentang etika penulisan yang sebenar (1M) agar mereka lebih berhati-hati dan beretika ketika menulis. (1M) • Mana – mana jawapan munasabah diterima
<p>(e)</p>  <p>[4 مرکه] برداسرکن سناتيتستیک داتس، جلسکن دوا فکتور یغ ميسکن سماکين [4 مرکه] هاري سماکين بايق کيس يونوه ديروي دماليسيا.</p>	<p>Dua faktor yang mendorong seseorang membunuh diri:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tekanan emosi yang keterlaluan/sehingga menyebabkan hilang kewarasan akal fikiran dan mengambil jalan singkat dengan membunuh diri • Kurang bertawakal kepada Allah/dan menyangka dengan membunuh diri boleh menyelesaikan segala masalah yang dihadapi • Kurang berdoa kepada Allah yang maha berkuasa/ menjadikannya dan menentukan segala sesuatu • Tidak memohon pertolongan daripada pihak yang bertanggungjawab/untuk membantu menyelesaikan masalah • Keimanan yang kurang mantap/akan menyebabkan dirinya mudah dikuasai syaitan yang mendorongnya untuk membunuh diri. <p>Mana-mana jawapan yang bersesuaian diterima</p>
<p>SCAM POLIGAMI GEGAR MAHKAMAH SYARIAH</p> <p>Berdasarkan pendedahan Sinar harian, pihak yang terlibat dalam scam poligami berkenaan licik menggunakan kuasa dan prosedur permohonan sehingga mampu memperdayakan pihak mahkamah. Malah kegiatan pemalsuan dalam dokumen permohonan poligami itu pula dijadikan satu perniagaan oleh pihak-pihak tertentu. Kegiatan itu sekiranya tidak dibanters, dikuatiri boleh menjejaskan institusi kehakiman syariah di Malaysia dan mengancam institusi keluarga terutama hak isteri dan kebajikan anak-anak.</p> <p>Berdasarkan Undang-Undang Keluarga Islam, mana-mana pihak yang telah berpoligami tanpa memndapatkan kebenaran daripada Mahkamah Syariah adalah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di Mahkamah Syariah.</p> <p>Artikel Penuh : https://www.sinarharian.com.my/article/117467/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Sindiket</p> <p>[6 مرکه] برداسرکن معلومت داتس، قد فئدغن اندا واجرکه شرط برقولیکامي [6 مرکه] دفرکتکن؟</p>	<p>Contoh jawapan 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • wajar • kerana syarat yang ada adalah longgar sehingga wujudnya scam poligami • ini dibuktikan dengan arttikel yang menunjukkan berlaku scam poligami yang berleluasa • hal ini jelas menunjukkan syarat poligami perlu diperketatkan lagi untuk membendung kegiatan ini • oleh itu kita hendaklah berhati-hati dengan sebarang kegiatan yang tidak berdaftar • supaya tidak terjebak dalam penipuan □ <p>Contoh jawapan 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak wajar • Kerana syarat yang ketat menyebabkan orang mencari jalan mudah untuk berpoligami • Ini dibuktikan dengan artikel yang menunjukkan berlaku scam poligami yang berleluasa • Hal ini jelas menunjukkan syarat poligami perlu dilonggarkan supaya urusan berpoligami mudah dilaksanakan • Oleh itu kita hendaklah berhati-hati dengan sebarang kegiatan yang tidak berdaftar • supaya tidak terjebak dalam penipuan

ii (c) كراجاهن بني عثمانية مريئته سلاما ليه كورغ 6 قرون. كقواتن دان كلواسن كراجاهنن داعكركن مليهي كقواتن سموا كراجاهن ايروقه بع ادا قد وقتو ايتو. نامون بكيتو كراجاهن بع هيت اين اخيرن جاتوه دغن براهف فكتور انتاران:

- كلمهن فقحيانن اسلام دالم قيمقينن خليفه افايلا مريك طمع اونوق ككلكن كواسا.

- فرلانتينن منزي بع كورغ لايق.

- ميغكركن قنديدينن اسلام دغن معكالفكن قنديدينن سيكولر.

هورايكن دوا فقاجرن بع دافت داميل درقد فكننا سجاره داتس. [4 مرکه]

Dua pengajaran

- Kepimpinan negara hendaklah diterajui oleh mereka yang menghayati agama Islam/jauhilah daripada memilih mereka yang gilakan kuasa yang boleh mengakibatkan negara menjaadi huru hara
- Kita hendaklah memilih mereka yang selayaknya menjadi ketua atau pemimpin/untuk mengelakkan berlaku kesalahan dan penyelewengan dalam tadbir urus negara
- Sesebuah kepimpinan atau negara hendaklah menjadikan system pendidikan yang berteraskan Islam sebagai yang utama/untuk mengelakkan rakyat terlalu mengejar kemewahan dunia

Maklumat 1

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

“Makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.”
[Al-A'raf: 31]

Maklumat 2

Jangan sakit sebab makan
Siti Nadirah Hafidzin
siti_nadirah@hmetro.com.my

Berdasarkan Kaji Selidik Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2014 menunjukkan rakyat Malaysia paling ramai mempunyai masalah berat badan berlebihan dan obesiti. Apa yang membimbangnya, jumlahnya bertambah dengan ketara setiap tahun.

Berlebihan berat badan inilah yang menjadi antara faktor risiko untuk bermacam masalah kesihatan terutama penyakit berkaitan gaya hidup yang sebenarnya boleh dicegah khususnya diabetes.

Ketua Pegawai Perubatan Hospital Columbia Asia Bukit Rimau Dr Ng Lee Li berkata, kajian mendapati pemakanan tidak seimbang, gaya hidup tidak sihat dan waktu bekerja yang panjang menjadi risiko terbesar diabetes.

Disiarkan pada: Julai 10, 2017 @ 4:22am

(e) برداسرکن دوا معلومات داتس، افاکه فونجا برلاکون فباکيت برهياي سقرتي

(6 مرکه)

ديتيس دکالغن مشارکت د مليسيا ؟

Contoh jawapan

Kbat : Punca berlaku penyakit merbahaya

Isi	Gaya pemakanan yang tidak seimbang
Huraian	Hal ini disebabkan setiap individu perlu mengikut piramid makanan yang ditetapkan supaya kekal sihat
Huraian Lengkap	Perkara ini disokong oleh dalil yang bermaksud “ makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan”
Huraian Lebih Lengkap	Dalil ini jelas menunjukkan kesan daripada mengabaikan pemakanan secara seimbang menyebabkan penyakit diabetes boleh berlaku
Kesimpulan Ringkas	Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita hendaklah mengikut tuntutan cara pemakanan didalam Islam
Kesimpulan Lengkap	Dan mengamalkan cara hidup sihat

Dijemput menjadi tetamu Allah untuk melaksanakan ibadah haji merupakan satu anugerah terindah yang tiada ternilai bagi sesiapa yang benar-benar menjwai dan menghayati erti ibadah ke tanah suci itu. Bumi yang penuh berkat dan memiliki sejarah teristimewa dalam lembaran Islam itu pastinya sentiasa diziarahi dengan himpunan terbesar umat Islam dari seluruh pelosok dunia untuk sama-sama memperoleh rahmat dari Yang Maha Esa.

Bagi mereka yang terpilih menjadi tetamu Allah semestinya merasai ia suatu perjalanan suci yang tiada tolok bandingnya demi menyempurnakan tuntutan terakhir daripada Rukun Islam ke-5 iaitu menunaikan ibadah haji. Walaubagaimanapun, banyak persiapan yang perlu dilakukan sebelum menunaikan ibadah haji ini.

(b) برداسرکن معلومات داتس، جادعکن فرسدیاءن یغ فرلو دلاکوکن سلوم سساورغ

(6 مرکه)

جماعه مقررچاکن عبادہ حج ؟

KBAT : Persediaan jemaah sebelum mengerjakan ibadah haji

Isi	Memahami dan mendalami ilmu berkaitan manasik haji.
Huraian	Hal ini disebabkan ia akan memudahkan kita melaksanakan ibadah haji secara teratur
Huraian Lengkap	Perkara ini disokong oleh kursus ibadah haji yang dibuat oleh pihak Tabung Haji secara berkala kepada bakal jemaah haji sebelum mereka menunaikan ibadah ini.
Huraian Lebih Lengkap	Usaha ini jelas memberi panduan kepada jemaah haji mengerjakan ibadah ini apatah lagi ia melibatkan beberapa rukun dan wajib haji seperti wukuf di arafah.
Kesimpulan Ringkas	Kesimpulannya, sebagai umat Islam yang ingin mengerjakan ibadah ini perlulah mempersiapkan diri daripada segi fizikal dan mental
Kesimpulan Lengkap	agar ibadah yang dibuat lancar dan seterusnya diharapkan mendapatkan haji yang mabrur.

Jawatankuasa perka Mahkamah Syariah ditubuhkan semula

KUALA LUMPUR: Kerajaan mewujudkan semula Jawatankuasa Memperkasakan Mahkamah Syariah (JKMMS) bagi mempertingkatkan dan memartabatkan sistem perundangan Syariah secara holistik selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad, mengumumkan perlantikan 12 tokoh sebagai ahli jawatankuasa berkenaan yang diketuai bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Tan Sri Othman Mustapha. "Kerajaan amat yakin dengan kewibawaan serta pengalaman luas beliau dalam pentadbiran hal ehwal Islam akan membantu usaha kerajaan untuk memperkukuh institusi kehakiman syariah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Antara tokoh lain yang turut dilantik ialah Peguam Cara Negara Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM Prof Datuk Dr Shamrahayu Ab Aziz.

Idris berkata kerajaan yakin dengan kewibawaan mereka yang dilantik untuk berusaha, menjalankan kajian dan memberikan cadangan akan membawa kepada penambahbaikan serta transformasi institusi Mahkamah Syariah negara.

"Selamat menjalankan amanah ini dengan sepenuh hati demi agama, negara dan ummah. Semoga Allah SWT sentiasa mengurniakan pedoman dalam setiap tindakan yang dilaksanakan," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan JKMMMS ditubuhkan pada Ogos 2017 setelah dipersetujui pada Mesyuarat Jemaah Menteri ketika itu.

Oleh [Samadi Ahmad](#) - Jun 22, 2022 @ 11:24pm
bhnews@bh.com.my

(e) برداسرکن اخبار داتس، بنجعکن کفرلوان قنوبهن جاوتنکواس مقررکاساکن محکمہ شرعیہ

(4 مرکه)

دالم سیستم کحاکمین د نکارا کیت.

Kbat : Keperluan penubuhan jawatankuasa memperkasakan mahkamah syariah

Isi	Mempertingkatkan sistem perundangan Syariah secara holistik.
Huraian	Hal ini disebabkan, ia mampu meningkatkan imej institusi kehakiman dan Perundangan Syariah dalam menangani kes-kes yang semakin kompleks dan mencabar serta memenuhi keperluan masyarakat Islam secara keseluruhannya
Huraian Lengkap	Perkara ini disokong oleh usaha melantik 12 tokoh sebagai ahli jawatankuasa berkenaan yang diketuai bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), iaitu Tan Sri Othman Mustapha.
Kesimpulan	Kesimpulannya, sebagai masyarakat Islam di Malaysia kita hendaklah menyokong segala usaha murni dalam meningkatkan mutu perkhidmatan Mahkamah Syariah agar negara kita dijadikan contoh dalam bidang perundangan Islam

KUALA LUMPUR: Pemahaman gaya hidup baru yang dianggap moden dengan pergaulan tanpa batasan dan pengaruh budaya barat tanpa tahu membezakan mana yang baik dan buruk adalah punca keruntuhan moral di kalangan gadis remaja kini.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, "peranan institusi kekeluargaan penting bagi mengatasi masalah gadis remaja kini daripada terus menjadi kes-kes jenayah. Kurangnya didikan agama juga merupakan punca gadis remaja kini senang terjerumus dalam masalah sosial seperti dadah, maksiat, dan menjalin hubungan songsang," katanya kepada Bernama.

Tinjauan Bernama mendapati kalangan remaja berpendapat hubungan erat dan komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak perempuan amat penting bagi mengelakkan anak mereka terpedaya dengan teman lelaki dan kenalan baru.

Sumber ubah suai : <https://www.bernama.com/>

(c) برداسرکن ارتیکل، ترغکن فنداقت اندا باکی مغاتسی سیتواسی دأتس
اکثر رماج مسلم سنتیاس مملیهارا مرواه دیری منوروت شریعة اسلام. [6 مرکه]

KRITERIA	SKOR
Ibu bapa memberikan penekanan kepada pendidikan agama sejak dari kecil	1 markah
Agar anak-anak mengetahui cara menjaga maruah dan kehormatan diri	1 markah
Berdasarkan petikan dari Bernama, remaja yang kurang pendidikan agama akan mudah terjerumus dalam maksiat dan dosa.	1 markah
Petikan akhbar tersebut membuktikan sekiranya ibu bapa gagal mendidik anak-anak mereka, maka hasrat untuk melahirkan generasi bertaqwa akan terbantut	1 markah
Oleh itu setiap umat Islam wajib mempunyai akhlak yang mulia	1 markah
agar hidup mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah SWT.	1 markah

Mana – mana jawapan yang munasabah diterima

Isu Kekurangan Dana Untuk Membangunkan Tanah Wakaf

Kekurangan dana merupakan salah satu kekangan yang dihadapi untuk memajukan tanah wakaf. MAIN sebagai pemilik tunggal harta tanah wakaf mempunyai masalah untuk memajukan tanah wakaf kerana kekurangan dana.

Kerjasama daripada pihak luar memungkinkan tanah wakaf tersebut dimajukan untuk pembinaan institusi wakaf pendidikan tinggi. Sungguhpun Malaysia merupakan antara negara Islam yang mempunyai persekitaran kewangan Islam yang dinamik bertaraf antarabangsa pembangunan harta wakaf yang menggunakan instrumen kewangan kontemporari berada pada tahap yang kurang memberangsangkan.

Keadaan ini jelas menggambarkan bahawa pembangunan wakaf tidak berkembang sepantas pertumbuhan sistem kewangan Islam (Sulaiman, 2012).

Malaysia mempunyai harta wakaf yang banyak terutamanya tanah dan sekiranya dibangunkan maka ia pasti dapat memberi sumbangan yang positif kepada pembangunan ekonomi umat Islam. Namun, kekurangan dana merupakan satu kekangan utama bagi tujuan pembangunan harta wakaf (Ahmad & Muhamed, 2011).

Sumber ubah suai : Isu-isu berkaitan tanah wakaf. Halangan kepada pembangunan institusi wakaf pendidikan tinggi di Malaysia.

(d) برداسرکن ارتیکل دأتس،

[2 مرکه] (i) جلسکن مغاقتکه ایسو ترسوت بولی بولاکو؟

[4 مرکه] (ii) ترغکن لغتکه یغ تربایق باکی مغاتسین.

KRITERIA	SKOR
Pihak kerajaan perlu menyebarkan maklumat tentang kepentingan berwakaf	1 markah
Supaya dapat menarik minat umat Islam untuk berwakaf	1 markah
Ini bertepatan dengan mafhum hadith Rasulullah S.A.W yang menggalakkan Saidina Umar untuk berwakaf	1 markah
Oleh itu, umat Islam perlu memahami tentang kelebihan wakaf supaya harta wakaf dapat dimanfaatkan untuk kemaslahatan umat Islam	1 markah

Soalan : Apakah hukum cerai jika suami sakit?

Jawapan : Jika suami ingin menceraikan isterinya kerana isterinya sakit teruk atau isteri ingin membubarkan perkahwinan kerana suaminya sakit teruk, hukumnya harus. Tapi ia bercanggah dengan ruh Islam, budaya ketimuran dan jati diri manusia. Apabila berlaku musibah, maka pihak yang terkena musibah akan hilang tempat sandarannya. Pihak yang satu lagi ingin lari dari beban dan tanggungjawab.

Dalam hal ini, Islam membawa topik cinta, *tadhiyah* (pengorbanan), bersabar, menerima takdir, berbakti untuk merawat sifat bakhlil dan mementingkan diri.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud : *Supaya kamu merasa tenteram kepadanya dan dijadikan-Nya di antara kamu rasa kasih dan sayang.* (Surah Ar-Rum: 21)

Sumber ubah suai : <http://www.al-ahkam.net/home/>

(c) برداسرکن معلومت دأتس، جلسکن کو اجران ایستری یغ موهون قمبرون

[6 مرکه] فرکیهونین بسرتا حجه اندا.

KRITERIA	SKOR
Wajar isteri yang memohon pembubaran perkahwinan	1 markah
kerana suami yang sakit dan tidak berupaya menjalankan tanggungjawabnya.	1 markah
Dalam Islam, isteri dibenarkan/diharuskan bercerai sekiranya perkahwinan itu membahayakan diri dan agamanya.	1 markah
Ini menunjukkan Islam berlaku adil dan tidak membebaskan para isteri sekiranya mereka tidak mampu untuk meneruskan perkahwinan lagi.	1 markah
Oleh itu, isteri yang tidak mendapat haknya dalam perkahwinan boleh memohon pembubaran perkahwinan	1 markah
Supaya dapat membina kehidupan yang aman dan harmoni di masa akan datang.	1 markah

